

ISSUE #42/8 JUN 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



PENANTIAN BERAKHIR! KONSERT SULUNG

HAEEL HUSAINI

OGOS INI

HAEEL HUSAINI



Selepas hampir dua tahun menanti, penyanyi dan komposer, Hael Husaini dengan bangganya mengumumkan bakal mengadakan konsert sulungnya iaitu "Hael Husaini & Repertoire" pada 8 Ogos 2025 yang bertempat di Zepp Kuala Lumpur.

Dalam satu temu bual baru-baru ini, Hael atau nama sebenarnya Hal Husaini Razmi meluahkan rasa syukur akhirnya impian untuk dia mengadakan konsert sulung yang pertama tercapai.

Menurut Hael, konsert ini merupakan hadiah istimewa buat peminat yang tidak pernah henti-henti memberi sokongan kepadanya sejak awal pembabitan dalam industri seni tanah air.

"Akhirnya, Alhamdulillah. Saya sangat berbesar hati untuk mengadakan konsert sulung saya di Zepp KL pada bulan Ogos nanti. Saya rasa ramai diantara peminat saya yang tunggu bila saya akan buat konsert jadi ini adalah untuk anda."

"Ini adalah hadiah untuk mereka yang selama ini sudah menyokong saya sepanjang saya menjadi Hael Husaini daripada zaman Jampi sehingga kini," katanya.

Dalam pada itu, Hael juga berkongsi sudah lama merancang konsert ini bersama pihak pengurusannya.

Oleh itu, Hael berjanji akan memberikan satu pengalaman terbaik buat peminat yang hadir pada malam tersebut yang akan menyeluruh perjalanan karya-karyanya dari sejak awal bergelar anak seni bersama insan-insan yang pernah bekerjasama dengannya.

"Konsert ini sangat istimewa buat saya sebab saya akan compile semua karya-karya saya yang telah saya lakukan dalam industri, jadi saya harap anda semua akan beri saya ruang dan peluang untuk hadir pada malam itu untuk saksi dan kongsikan bersama pengalaman yang akan saya persembahkan."

"Sebab kalau ikutkan perancangan memang sangat lama kami merancang konsert ini. Dan orang yang mengenali saya pasti tahu saya sentiasa memberikan yang terbaik untuk apa sahaja yang saya lakukan. Jadi jika anda mahu rasakan pengalaman itu jangan lupa hadir," ujarnya kepada Gempak.



Dah banyak sold out! Jangan lepaskan peluang.

Dalam masa sama, Hael turut meluahkan rasa syukur atas sambutan luar biasa terhadap tiket konsert tersebut.

Pelantun lagu Penjuara itu juga berharap peminat tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan tiket konsertnya kerana bakal menampilkan pelbagai kejutan untuk malam istimewa itu nanti.

"Saya bersyukur sangat sebab ada beberapa section yang dah sold out dan ada yang sedang fast selling. Jadi saya harap anda yang lain cepat-cepat dapatkan tiket sebab banyak lagi kejutan yang akan saya berikan untuk konsert ini," ujarnya.

Bagi anda yang mahu dapatkan tiket konsert "Hael Husaini & Repertoire" boleh terus layari www.ticket2u.com.



Nadeera Zaini & Dayang Nurfaizah Sudah, Siapa Lagi Yang Akan Bersama?

Apa yang lebih menarik perhatian bukan sekadar pengumuman konsert tetapi bayangan misteri yang diberikan Hael mengenai dua penyanyi undangan yang bakal memeriahkan malam istimewa itu.

Tidak mahu berteka-teki terlalu lama, peminat segera menjalankan 'siasatan' sendiri di media sosial.

Hasil 'penyelidikan' mereka, dua nama yang menjadi ramalan utama ialah Dayang Nurfaizah dan Nadeera Zaini yang mana merupakan penyanyi yang pernah berkolaborasi bersama Hael.

Malah dua nama itu juga telah disahkan sendiri oleh pelantun lagu Usia itu.

Tapi tunggu dahulu, siasatan anda masih perlu diteruskan kerana akan ada lebih banyak kejutan yang akan menanti anda.

Difahamkan bukan hanya Nadeera dan Dayang sahaja yang akan menemani Hael namun ada beberapa nama lagi yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Difahamkan Hael juga akan ditemani penyanyi lagenda negara pada malam itu. Siapakah penyanyi-penyanyi itu, jom sama-sama kita nantikan!



Karya Terbaik Bakal Diadili 70 Juri Hebat, AIM24 Wujudkan 3 Lagi Kategori Baharu

Hampir tiga tahun menyepi, Anugerah Industri Muzik kini kembali dengan penganjuran edisi ke-24 (AIM24) yang dijangka berlangsung pada 13 September depan di Arena of Stars, Genting Highlands.

Sebanyak tiga kategori baharu diperkenalkan iaitu Lagu Perpaduan Terbaik, Lagu Tradisional Terbaik, dan paling mencuri tumpuan, Kolaborasi Artis Tempatan Bersama Artis/Komposer Luar Negara Terbaik.

Menurut Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM24, Rosmin Hashim, kategori baharu ini diwujudkan bagi mengiktiraf karyakarya tempatan yang sebelum ini terpinggir daripada pencalonan disebabkan syarat-syarat lama.

"Kita lihat semakin banyak kolaborasi hebat melibatkan artis dan komposer luar negara. Namun sebelum ini, tiada kategori yang sesuai untuk lagu seperti Masing-Masing nyanyian Ernie Zakri.

"Sayang sekali apabila karya sebegitu tidak dapat dipertandingkan. Jadi, kita wujudkan kategori baharu ini sebagai satu bentuk pengiktirafan terhadap usaha dan kreativiti bakat tempatan yang meneroka pasaran luar," jelasnya kepada Gempak.

Jelas Rosmin lagi, inisiatif ini tidak sesekali bertujuan untuk membelakangi komposer atau karyawan tempatan.

Sebaliknya, ia bertujuan membuka ruang lebih luas kepada kolaborasi rentas negara termasuk dengan pasaran besar seperti China dan India dalam usaha memperluas capaian dan pengaruh muzik Malaysia ke pentas global.

Menjunjung prinsip ketelusan, Rosmin turut memaklumkan seramai 60 hingga 70 juri bebas akan dilantik merangkumi pelbagai bidang kepakaran, termasuk pakar filem untuk kategori video muzik.

Pencalonan AIM24 dibuka bermula 4 Jun hingga 4 Julai 2025 untuk lagu atau album yang diterbitkan antara 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2024. Penyertaan boleh dihantar secara atas talian menerusi laman web rasmi AIM.

AIM24 menyenaraikan 31 kategori anugerah termasuk Lagu Rock Terbaik, Video Muzik Terbaik, Lagu Nasyid Terbaik, serta Anugerah Sri Wirama. Pengumuman lima calon akhir setiap kategori dijangka pada Ogos 2025.

Kisah Penuh Kecewa Ernie Zakri & Anggi Marito, Melodi Hati Dua Wanita

Dalam dunia muzik yang penuh warna, kadangkala hadir satu kolaborasi yang terasa begitu magis. Dan itulah yang terjadi apabila dua penyanyi hebat, Ernie Zakri dan Anggi Marito, bergabung menerusi lagu terbaharu berjudul "Kisah Penuh Kecewa."

Bermula dari satu pertemuan singkat yang sederhana, mesra dan penuh cerita. Ernie menyifatkan kolaborasi bersama penyanyi Indonesia itu sebuah peluang emas untuknya untuk terus mengukuhkan namanya di arena muzik seberang.

Dari perbualan santai, mereka terus melangkah ke bilik rakaman. Kisah Penuh Kecewa bukan hanya nyanyian, tetapi juga curahan rasa Ernie dan Anggi.

"Kami bertemu pertama kali tidak lama, kami berborak dan makan bersama kemudian terus rekod.

"Alhamdulillah, saya bersyukur, Anggi adalah seorang rakan duet yang best, vokal juga hebat, terharu bila dia mahu bersama dalam projek ini," ujar Ernie.

Ernie yang popular dengan lagu hits Masing Masing itu turut berkongsi proses rakaman dimana dia dan Anggi menyertai 'workshop' sebelum ke studio rakaman. Proses kreatifnya unik, hanya dengan 'humming', satu melodi boleh tercipta.

"Kami 'humming', jika padan dan sedap, kami ambil. 'Workshop' cuma tiga jam, tapi hasilnya luar biasa.

"Proses ini membabitkan ramai komposer dan penulis lirik, sememangnya meriah. Workshop itu banyak beri kami 'brainstorming' bersama. kongsinya.

Pertemuan singkat mereka bertukar menjadi hubungan yang erat. Keduanya bukan sahaja penyanyi, tetapi juga seorang ibu, dan itulah benang halus yang mengikat mereka.

"Teruja dan senang bekerja dengan Ernie. Kami dapat tahu dalam masa singkat untuk bertemu. Dalam fikiran saya sudah bertanya Ernie seorang yang bagaimana, keperibadian dia juga bagaimana.

"Kami sangat serasi, kami punya energi yang sama. Lagi-lagi bila kami juga adalah seorang ibu dan mempunyai anak perempuan, kami selalu bercerita tentang anak," kongsi Anggi, yang mula mengenali Ernie sejak lagu Masing Masing.

Dengan irama yang mendalam dan lirik yang meruntun jiwa, semoga Kisah Penuh Kecewa menemukan tempatnya di hati para pendengar dan mungkin, menjadi penawar pada mereka yang sedang memeluk kecewa. - Khairil Khusyairi



GEMPAK SINEMA



Pengarah: Adrian Teh, Zahiril Adzim

Pelakon: Zahiril Adzim, Fad Bocey, Shiqin Kamal, Nafiez Zaidi, Elvina Chua

Genre: Aksi

Sekumpulan pelakon tambahan berazam untuk melakukan apa sahaja demi menjadi pelakon terkenal atau mendapat peranan yang lebih besar di Malaysia.




Pengarah: Dean DeBlois

Pelakon: Mason Thames, Nico Parker, Gerard Butler, Nick Frost, Julian Dennison, Gabriel Howell, Bronwyn James

Genre: Aksi/Pengembaraan

Lima tahun telah berlalu sejak Hiccup dan Toothless menyatukan naga dan kaum Viking di Berk. Kini, mereka menghabiskan masa meneroka kawasan pulau yang belum dipetakan. Dalam salah satu pengembalaan mereka, mereka menemui sebuah gua rahsia yang menempatkan ratusan naga liar serta seorang penunggang naga misteri yang rupa-rupanya adalah ibu Hiccup yang telah lama menghilang, Valka (Cate Blanchett). Hiccup dan Toothless kemudiannya terjerumus ke dalam sebuah pertempuran untuk melindungi Berk daripada seorang pahlawan tamak kuasa bernama Drago.



Pengarah: Ginanti Rona

Pelakon: Omar Daniel, Zulfa Maharani, Adinda Thomas

Genre: Seram

Salma dan Arman adalah pasangan yang bahagia, namun sejak berkahwin, Salma mula berdepan gangguan mistik yang semakin menggerunkan. Ketika Salma hamil dan Arman terpaksa bekerja lebih masa kerana menerima sebuah projek besar, mereka berpindah ke rumah ibu Arman, di mana Salma berdepan gangguan yang lebih teruk, konflik dengan keluarga mentuanya dan syak wasangka terhadap kecurangan Arman, menyebabkan dia perlu bergantung harap pada jiran misterinya.

Amira Othman 'Borong Carta' GMW Minggu Ini!

Drama Honey Minta Maaf mendahului carta GMW minggu ini, diikuti oleh Dia Imamku dan Keluarga Itu, manakala Bidaah dan Aku Bukan Ustazah 2 turut mendapat tempat dalam kalangan lima teratas.

Dalam kategori pencipta kandungan digital, Sir Badang mendominasi segmen motivasi dan pendidikan, diikuti Ms Marza dan Zulkifli Ismail.


Untuk kategori makanan, Jason kekal di tangga teratas sebagai pilihan utama netizen, diikuti rapat oleh Norrisham dan Isaac Osman. Dalam dunia hiburan pula, Achik Mael memimpin carta, manakala Christy Ng mengetuai senarai lifestyle creators.

Dalam kalangan hos digital, Zarul Umbrella dan Nana Mahazan muncul paling menyerlah.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Drama Trending

1. Honey Minta Maaf
2. Dia Imamku
3. Keluarga Itu
4. Bidaah
5. Aku Bukan Ustazah 2

TOP 5 Digital Creator Trending (Motivation & Education)


1. Sir Badang
2. Ms Marza
3. Zulkifli Ismail
4. Spacedollah
5. Imran Zaki

TOP 5 Selebriti Trending

1. Amira Othman
2. Nadeera
3. Shukri Yahaya
4. Zahiril Adzim
5. Mimi Lana

TOP 5 Hos Program Digital Trending

1. Zarul Umbrella
2. Nana Mahazan
3. Ubai MZ
4. Amelia Henderson
5. Kecik Khaliquekerr



Astro Raih Dua Anugerah Berprestij Di Asia-Pacific Broadcasting+ Awards 2025



Syarikat penyiaran Astro berjaya merangkul dua anugerah di Asia-Pacific Broadcasting+ Awards 2025 yang berlangsung pada 28 Mei di Singapura, menerusi kategori Cloud-Playout Migration - Malaysia dan Audio Description - Malaysia melalui Astro Studios.

Anugerah Audio Description diberikan kepada Astro atas penggunaan inovatif teknologi AD untuk golongan cacat penglihatan menerusi drama tempatan Dari Mata Turun Ke Hati, yang menjadi siri pertama di Malaysia menampilkan teknologi tersebut secara menyeluruh.

Kemenangan ini mencerminkan komitmen Astro dalam menghasilkan kandungan yang inklusif, inovatif dan mesra OKU, seiring dengan usaha memperkasa pengalaman tontonan untuk semua lapisan masyarakat.

Astro Studios turut memainkan peranan penting dalam penghasilan kandungan berkualiti dengan kemudahan teknologi terkini seperti produksi maya XR, video IP, serta pasca-produksi dalam format Dolby Vision dan Dolby Atmos.

Dalam masa yang sama, Astro mencipta sejarah menerusi migrasi ke sistem cloud-playout, membolehkan operasi penyiaran lebih pantas, tahan lasak dan fleksibel—satu langkah signifikan dalam memodenkan infrastrukturnya.

Asia-Pacific Broadcasting+ Awards menghimpunkan pencapaian luar biasa dalam bidang penyiaran serantau, dengan pemenang dipilih berdasarkan inovasi serta impak terhadap pengalaman penonton. Astro turut merakamkan penghargaan kepada warga kerja atas kejayaan ini.

Sesi Uji Bakat Martabat: Misi Berdarah Meriah!

Baru-baru ini pencarian uji bakat bagi filem Martabat: Misi Berdarah telah berlangsung dengan meriah. Bertempat di AEON Nilai, Seremban, pengarah terkenal tersebut iaitu Adrian Teh juga turut hadir sebagai juri.

Selain Adrian, pelakon Martabat: Misi Berdarah iaitu Emma Maembong, Nafiez Zaidi, Theebaan, Anas Ridzuan, Safwan Nazri dan Dafi Ismail Sabri juga turut hadir sebagai juri.

Uji bakat tersebut diadakan bagi mencari pelakon tambahan untuk filem berkenaan. Martabat: Misi Berdarah diarahkan oleh Zahiril Adzim dan Adrian Teh. Filem ini dijadualkan di pawagam bermula 12 Jun 2025.



20 Tahun Dalam Industri, Imran Ajmain Realisasi Impian Hasilkan Album Remix



Penyanyi, Imran Ajmain tampil dengan album terbaru berjudul *Sila Ambil Perhatian*.

Menurut Imran, idea ini tercetus daripada inspirasi budaya hop hop yang sinonim dengan penerbitan karya dalam bentuk remix.

"Saya memang lama dah nak buat benda ni. Dua puluh tahun kerja akhirnya semuanya disatukan dalam satu album remix," katanya.

Setelah dua dekad berkecimpung dalam industri, hasrat yang dipendam akhirnya direalisasikan. Album ini mengandungi sebanyak 37 buah lagu yang mengetengahkan semula warisan muzik dari pelbagai genre.

Dalam pada itu, *Sila Ambil Perhatian* turut menyaksikan gandingan Imran bersama kolaborator hebat seperti Ahmadul Amin, Cheryl Samad, Firwan Johan dan ramai lagi.

Lebih istimewa rakaman eksklusif dari konsert Malam Seribu Tahun turut dimasukkan ke dalam album ini.

Aura 'Rangga' & Aina Abdul Serikan Malam Prom Nite Melly Goeslaw

Konsert Ada Apa Dengan Melly (Prom Nite) yang berlangsung di Axiata Arena pada 31 Mei menjadi penutup sempurna bagi trilogi konsert nostalgia Melly Goeslaw.

Kemunculan istimewa Nicholas Saputra membacakan puisi ikonik Rangga dari Ada Apa Dengan Cinta mencetuskan sorakan gemuruh, meskipun hanya muncul selama lima minit.

Namun, tumpuan tetap pada Melly yang tampil bertenaga dengan rangkaian lagu popular seperti Gantung dan Ku Bahagia, serta rendisi lagu-lagu ikonik Malaysia seperti Janji Manismu dan Isabella sebagai tanda penghargaan terhadap karya Melayu.

Kehadiran Aina Abdul, turut memeriahkan pentas dengan persembahan berkarisma. - MALIAH SURIP





Financial Faiz

@financialfaiz ✅

Fahami Apa Kegunaan 'Balance Transfer'



Mengurus hutang kad kredit yang tinggi bukan perkara mudah, lebih-lebih lagi apabila kadar faedahnya membebankan.

Namun, menurut pendidik kewangan, Faiz Azmi terdapat satu strategi bijak yang boleh membantu iaitu balance transfer.

Balance transfer merujuk kepada proses memindahkan baki hutang kad kredit dari satu bank ke bank lain yang menawarkan kadar faedah rendah atau 0% untuk tempoh promosi tertentu.

Tujuannya adalah untuk membantu peminjam mengurus hutang secara lebih efisien dan menjimatkan kos faedah.

Sebagai contoh, jika anda mempunyai hutang sebanyak RM5,000 di kad kredit Bank A dengan kadar faedah tinggi, anda boleh pindahkan baki tersebut ke Bank B yang menawarkan balance transfer dengan kadar faedah 0% selama enam bulan.

Sepanjang tempoh ini, anda tidak perlu membayar faedah dan bayaran bulanan anda akan terus mengurangkan hutang pokok secara lebih efektif.

Faiz juga menegaskan bahawa balance transfer bukanlah penyelesaian mutlak kepada masalah kewangan, namun ia boleh menjadi alat bantu bijak jika digunakan dengan betul.

Yang penting adalah mengawal perbelanjaan, bayar tepat pada masanya, dan elakkan daripada terus menambah hutang baharu.



6 Caves To Discover In Malaysia

If you're looking for an outdoor adventure in Malaysia, exploring caves is a great option. From the iconic Batu Caves in Selangor, known for its towering golden statue and colorful steps, to the vast chambers and underground river of Gua Tempurung in Perak, there's something for everyone.


Gua Niah in Sarawak combines natural beauty with ancient history, while Gua Kelam in Perlis offers a scenic walk through a tunnel lit with fairy lights. Gua Charas in Pahang and Gua Wang Burma in Perlis, both known for their tranquil settings and spiritual or eco-tourism appeal.



Ladies-Only Plus-One Service Now In Malaysia

Teman is a women-only companion service in Malaysia that offers friendly, supportive 'plus-ones' for women who need company at events, for outings, or just to talk. The service is run by an all-women team and is designed to make women feel safe and comfortable.

Whether you need someone to accompany you to a wedding, shopping trip, or simply hang out, Teman matches you with a trained companion who's there to support and uplift you—no awkwardness, no judgment, just genuine connection.



Malaysia Ranks Among World's Most Dangerous Roads

Malaysia has been ranked the 10th most dangerous country to drive in globally and the second in Southeast Asia, according to a study by driver education platform Zutobi.

The ranking considers factors such as road traffic death rates, seat-belt usage, road quality, and enforcement of traffic laws. Malaysia records a high road death rate of 22.5 per 100,000 people, with only 77% of front seat passengers and a mere 13% of rear seat passengers wearing seat belts.

Common issues like speeding, reckless driving, and risky motorcyclist behavior contribute to the danger.

Read more at www.rojakdaily.com